



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN (SKK)
PERSIARAN BUKIT UTAMA, BANDAR UTAMA
47800, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN



Rujukan Kami : BU3.700-4/2/1(2)
Tarikh : 3.12.2020

Semua Ibu bapa / Penjaga,
Murid-murid,
SMK Bandar Utama Damansara (3)

Tuan,

**MAKLUMAN PEMULANGAN DAN PENGAGIHAN BUKU TEKS SKIM PINJAMAN BUKU
TEKS 2020**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Merujuk surat siaran KPM No. rujukan : KPM.600-6/1/3 JLD.3(82) **Garis Panduan Pemulangan Dan Pengagihan Buku Teks SPBT 2020** bertarikh 2 Disember 2020, pihak sekolah ingin memaklumkan bahawa jadual pemulangan dan pengagihan buku teks SPBT yang diedarkan kepada Ibu / bapa / penjaga / murid-murid pada 2 Disember 2020 adalah **terbatal**.
3. Pemulangan dan pengagihan buku teks SPBT akan dibuat setelah sesi sekolah 2021 dibuka. Jadual pemulangan dan pengagihan yang baharu akan dimaklumkan kemudian.
4. Mohon kerjasama ibu/bapa/penjaga agar memastikan semua murid menyimpan / menjaga buku teks SPBT supaya sentiasa dalam keadaan yang baik sebelum pemulangan.
5. Kerjasama dan keprihatinan tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH ROS BINTI LIZAN)
Pengetua Cemerlang
SMK Bandar Utama Damansara(3)



Rujukan Kami: KPM.600-6/1/3 JLD. 3 (82)

Tarikh: 2 Disember 2020

16 Rabiulakhir 1442

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(Seperti Senarai Edaran)



Tuan,

**GARIS PANDUAN PEMULANGAN DAN PENGAGIHAN BUKU TEKS SKIM PINJAMAN
BUKU TEKS 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menyediakan garis panduan pemulangan dan pengagihan buku teks Skim Pinjaman Buku Teks sesi persekolahan 2020 seperti pada **Lampiran 2**. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak sekolah dalam melaksanakan proses pemulangan dan pengagihan buku teks di sekolah serta bagi memastikan proses tersebut berjalan dengan lancar.

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah hendaklah merancang proses pemulangan dan pengagihan buku teks berdasarkan garis panduan yang telah disediakan mengikut kesesuaian sekolah masing-masing dengan mengambil kira bilangan murid, bilangan kelas, ruang dan lokasi pemulangan dan pengagihan tersebut. Pihak sekolah hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operation Procedure* (SOP) sedia ada yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa semasa proses pemulangan dan pengagihan buku teks tersebut.

4. Pemulangan dan pengagihan buku teks oleh murid hendaklah dibuat setelah sesi sekolah 2021 dibuka. Pihak sekolah hendaklah menetapkan tarikh dan masa yang sesuai dengan menyediakan jadual bagi proses pemulangan dan pengagihan buku teks oleh murid. Bagi murid Tahun 6 tahun 2020 yang akan bertukar ke sekolah menengah pada tahun 2021, pemulangan buku teks juga hendaklah dibuat setelah sesi persekolahan 2021 bermula. Walau bagaimanapun, pemulangan boleh dibuat semasa murid tersebut mengambil Sijil Berhenti Sekolah atau mengikut kesesuaian yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Manakala pemulangan buku teks oleh murid Tingkatan 5 tahun 2020 yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula boleh dibuat setelah peperiksaan SPM tamat.

5. Bagi buku teks Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) dan buku Komponen Sastera (KOMSAS) yang masih digunakan oleh murid Tingkatan 5 tahun 2020 dan akan dipulangkan selepas peperiksaan SPM tamat, murid Tingkatan 5 tahun 2021 boleh mengakses buku tersebut di laman sesawang DELiMa (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*) yang

telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui www.moe-dl-edu-my. Pengagihan buku teks dalam bentuk fizikal bagi judul-judul terlibat boleh diagih kepada murid Tingkatan 5 tahun 2021 setelah dipulangkan oleh murid Tingkatan 5 tahun 2020.

5. Pihak tuan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada sekolah-sekolah di bawah kawalan dan seliaan pihak tuan. Sekiranya pihak tuan memerlukan maklumat lanjut berkaitan perkara di atas, sila hubungi:


- i. Encik Abd Razak bin Mohamad Yusof (03-88844312)
- ii. Encik Azlan Syazani bin Adanan (03-88844487)
- iii. Cik Siti Aishah binti Abdul Ghani (03-88844300)

Kerjasama pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZNAH BINTI ABU BAKAR ANS, PMC)

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

razakyusof/jpn/dis2020

s.k.: Fail Sektor